

RINGKASAN SEBUTHARGA

SPESIFIKASI SEBUTHARGA

“MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 4 EKOR KAMBING PEJANTAN BAKA BOER, 8 EKOR KAMBING BETINA BAKA BOER, 1 EKOR KAMBING PENJANTAN BAKA SAANEN, 2 EKOR KAMBING BETINA BAKA SAANEN, 2 EKOR BEBIRI PEJANTAN BAKA BARBADOS BLACK BELLY, 4 EKOR BEBIRI BETINA BAKA BARBADOS BLACK BELLY, 2 EKOR LEMBU PENJANTAN BAKA KEDAH-KELANTAN DAN 2 EKOR LEMBU BETINA BAKA KEDAH-KELANTAN UNTUK TUJUAN PEMBIAKBAKAAN KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG”

A. Spesifikasi Teknikal Ternakan**1. Baka:**

Kambing pejantan dan betina baka Boer, kambing pejantan dan betina baka Saanen, bebiri pejantan dan betina baka Barbados Black Belly, lembu pejantan dan betina baka Kedah-Kelantan.

2. Bilangan yang Diperlukan:

- i. Kambing pejantan baka Boer **4 ekor**,
- ii. Kambing betina baka Boer **8 ekor**,
- iii. Kambing pejantan baka Saanen **1 ekor**,
- iv. Kambing betina baka Saanen **2 ekor**,
- v. Bebiri pejantan baka Barbados Black Belly **2 ekor**,
- vi. Bebiri betina baka Barbados Black Belly **4 ekor**,
- vii. Lembu pejantan baka Kedah-Kelantan **2 ekor**,
- viii. Lembu betina baka Kedah-Kelantan **2 ekor**.

3. Umur:**Jantan**

Bebiri dan Kambing: 18-24 bulan atau mempunyai sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.

Lembu: 24-36 bulan atau mempunyai sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.

Betina

Bebiri dan Kambing: 18-24 bulan atau mempunyai sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.

Lembu: 24-36 bulan atau mempunyai sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.

4. Berat: (Semasa penerimaan di negeri Pulau Pinang)**Jantan**

Bebiri dan Kambing: Berat minimum, 35 – 50 kg.

Lembu: Berat minimum, 180 – 250 kg.

Betina

Bebiri dan Kambing: Berat minimum, 28 – 40 kg.

Lembu: Berat minimum, 150 – 220 kg.

Kambing, bebiri dan lembu yang didapati kurang daripada berat badan minimum yang dikehendaki akan ditolak **tanpa kompromi** dan pembekal perlulah menanggung kos-kos penolakan yang berkaitan.

5. Punca Bekalan

Tempatan.

6. Gambaran Am**Kambing, Bebiri dan Lembu Jantan**

- a) Tidak cacat anggota dan penglihatan.
- b) Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi baka yang diperlukan.
- c) Mempunyai "*body score condition*" yang baik iaitu tidak terlalu kurus dan tidak terlalu gemuk.
- d) Mempunyai testis yang bersaiz sama dan seimbang di dalam skrotum.
- e) Mempunyai anatomi organ pembiakan (*penis* dan *prepuce*) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan serta tidak tergantung sehingga ke tanah atau pangkal kaki.
- f) Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri "*phenotypic appearance*" yang baik.

- g) Ukur lilit scrotum minimum: Boer - 22cm, Saanen – 22 cm, Barbados Black Belly – 22 cm, Kedah-Kelantan – 24 cm.

Kambing, Bebiri dan Lembu Betina

- a) Tidak cacat anggota dan penglihatan.
- b) Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi baka yang diperlukan.
- c) Mempunyai “*body score condition*” yang baik iaitu tidak terlalu kurus dan tidak terlalu gemuk.
- d) Mempunyai ambing susu yang sama dan seimbang kedudukannya.
- e) Mempunyai puting susu yang baik dan tidak cacat; 2 puting susu bagi kambing dan bebiri, manakala 4 puting susu bagi lembu.
- f) Mempunyai anatomi organ pembiakan (vulva) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan.
- g) Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri “*phenotypic appearance*” yang baik.

7. Protokol Pembekalan:

Penyebutharga perlu mematuhi protokol import pembekalan ternakan dari luar negeri Pulau Pinang seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (sila rujuk kepada www.dvs.gov.my).

8. Prosedur Pemeriksaan dan Pemilihan Kambing, Bebiri dan Lembu:

- a) Pemeriksaan ternakan akan dijalankan di negeri sumber ternakan (tempatan) didapati. Pemeriksaan ini melibatkan **pemeriksaan rekod ternakan, dokumentasi, pengenalanpastian sumber perolehan ternakan, pemeriksaan dan pemilihan ternakan.**
- b) Tarikh pemeriksaan ternakan mesti dimaklumkan secara bertulis sama ada melalui faks, email atau serahan tangan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang tidak lewat dari satu (1) minggu sebelum tarikh pemeriksaan dan pemilihan ternakan dibuat.

DI NEGERI SUMBER :

- (a) Pembekal perlu mengumpulkan kambing, bebiri dan lembu mengikut spesifikasi yang diberikan untuk tujuan pemeriksaan dan pemilihan di satu pusat pengumpulan sahaja.
- (b) Penyebutharga perlu menyediakan peralatan yang berkaitan bagi tujuan pemilihan seperti tag telinga dan aplikatornya (mengikut spesifikasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia) serta alat penimbang digital.
- (c) Pemeriksa yang dilantik perlu memeriksa kesemua kambing, bebiri dan lembu yang perlu dibekalkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.
- (d) Adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga untuk memastikan kandang pengumpulan kambing, bebiri dan lembu adalah bebas dari penyakit-penyakit sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia untuk tujuan pembiakan.
- (e) Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas ternakan yang tidak dipilih semasa pemilihan dan pemeriksaan ternakan dibuat.

9. Pengenalan Ternakan

- a) Ternakan mesti dipasangkan tanda pengenalan seperti tag telinga yang telah ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.
- b) Kecederaan akibat kerja-kerja pemasangan tag telinga perlu dirawat terlebih dahulu dan perlu dipastikan sembuh sepenuhnya sebelum ternakan diserahkan/dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.
- c) Keseluruhan kos kelengkapan dan kerja-kerja untuk memasang tanda pengenalan adalah ditanggung oleh pihak pembekal.
- d) Semua maklumat dan keterangan penuh pengenalan ternakan ini mestilah disediakan oleh pihak pembekal.

10. Penghantaran Ternakan:

10.1 Pengangkutan

- a. Penyebutharga perlu menyediakan pengangkutan yang sesuai dan selamat bagi menjamin kesejahteraan ternakan semasa pengangkutan dari negeri sumber ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah.
- b. Pengangkutan telah dinyahkuman/disinfeksi.

10.2 Penghantaran Ternakan

- a. Ternakan perlulah dihantar ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah yang dinyatakan di dalam Jadual Pembekalan.
- b. Pembekal adalah dikehendaki menghubungi pegawai yang dilantik di negeri penerima bagi tujuan penghantaran dan juga mengesahkan penerimaan ternakan.

11. Penggantian Ternakan

- a) Pembekal adalah bertanggungjawab untuk menggantikan ternakan yang dibekalkan sekiranya di dapati:-
 - i. Ternakan yang tiba di destinasi terakhir (ladang penerima) tidak menepati spesifikasi minimum yang ditetapkan.
 - ii. Mati dalam tempoh dua (2) minggu selepas tiba di destinasi terakhir.
- b) Kos penggantian ternakan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal. Walaubagaimanapun pembekal boleh memilih untuk membayar ganti rugi di dalam bentuk wang tunai kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebanyak **110% daripada harga sebutharga**. Penggantian ini perlu disempurnakan dalam tempoh 90 hari tarikh tuntutan dikemukakan.

12. Kos Permit Import dan Eksport, Sijil Kesihatan dan Lain-lain Sijil

- a) Pembekal adalah bertanggungjawab membiayai segala kos Permit Import/Eksport, Sijil Kesihatan negeri pengeksporth, Insurans dan bayaran lain yang berkaitan iaitu Permit Pemindahan Keluar dan Permit Pemindahan Masuk ke negeri-negeri terlibat.

- b) Semua kos keperluan pelalian, rawatan dan ujian seperti ditetapkan dalam protokol import hendaklah ditanggung oleh pembekal.

13. Insuran untuk Ternakan

Pembekal yang berjaya digalakkan mengambil polisi **insuran untuk 110%** nilai asal tender di atas nama Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Jalan Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang untuk melindungi ternakan ini semasa penghantaran dan risiko-risiko yang mungkin dihadapi termasuk kematian semasa penghantaran dan kematian sehingga empat belas (14) hari selepas sampai ke destinasi.

14. Keperluan Kesihatan:

Pembekal perlu mematuhi keperluan kesihatan ternakan seperti yang dinyatakan di dalam **protokol pengimportan ternakan atau Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia untuk tujuan pembiakbakaan** serta disokong dengan dokumen pengesahan oleh Pihak Berkuasa Veterinar di negeri sumber. Ternakan yang dibekalkan hendaklah berkeadaan sihat dari segi klinikal dan tidak berpenyakit berbahaya dan berjangkit semasa penghantaran (bebas penyakit *Brucellosis*, *Leptospirosis*, *Caseous Lymphadenitis* (CLA), *Bluetongue* dan parasit). Segala kos ujian, suntikan pelalian dan rawatan terhadap kesihatan ternakan adalah ditanggung oleh pembekal.

SEMUA SUNTIKAN PELALIAN DAN RAWATAN TERHADAP KEPERLUAN KESIHATAN TERNAKAN, HENDAKLAH DISERTAKAN SIJIL PENGESAHAN DARIPADA NEGERI PENGEKSPORT. KERAJAAN BERHAK UNTUK MEMINDA, MENERIMA SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN DAN MEMBUAT KEPUTUSAN BERDASARKAN HASIL UJIAN PEMERIKSAAN KESIHATAN TERNAKAN.

B. Syarat-Syarat Am

15. Kemudahan Kandang

Pembekal dikehendaki menyediakan kemudahan kandang yang sesuai untuk tujuan pemeriksaan, pemulihan dan penyesuaian.

16. Pemilihan Ternakan di Negeri Pengeksport

Setiap ekor ternakan yang hendak dibekalkan akan dipilih dari ladang agen pembekal dan akan diperiksa oleh tiga (3) orang Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Pemilihan ini melibatkan pemeriksaan fizikal, menimbang berat badan dan memberi tanda pengenalan ke atas setiap ekor ternakan yang telah dipilih. Ternakan yang tidak mematuhi spesifikasi akan ditolak daripada kumpulan ternakan yang dibekalkan.

17. Penyingkiran Ternakan

Pihak Jabatan tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang kos kepada ternakan yang ditolak kerana tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan semasa pemilihan dijalankan dan semasa penerimaan di *port of entry*.

KERAJAAN TIDAK SEMESTINYA MENERIMA HARGA SEBUTHARGA YANG PALING RENDAH. KERAJAAN BERHAK MEMILIH MANA-MANA SEBUTHARGA YANG BERSESUAIAN DAN LAYAK SAHAJA. KERAJAAN BERHAK MEMILIH SYARIKAT UNTUK MEMBEKALKAN SATU JENIS BAKA SEKIRANYA PEROLEHAN ITU LEBIH MENGUNTUNGAN.

18. Pembayaran:

Pembayaran akan dibuat dalam masa **14 hari** dari tarikh serahan dokumen yang lengkap. Dokumen lengkap mengandungi perkara-perkara berikut: -

- i. Bil atau Invois atau Nota Tuntutan Asal.
- ii. Nota hantaran asal yang **lengkap** ditandatangani oleh pegawai penerima dan mempunyai tanda cop rasmi yang tertera nama pegawai penerima.
- iii. Nota Akuan Terima oleh penerima di lapangan.

- iv. Sijil Kesihatan Veterinar yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar tempat sumber ternakan diperolehi.
- v. Pesanan kerajaan yang diakui penerimaannya.

19. Tarikh Pembekalan

Pembekalan mestilah disempurnakan dalam tempoh tidak melebihi **8 minggu**.

20. Penghantaran dan Tarikh Tutup Sebutharga

Semua sebutharga hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri dan ditandakan **“MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 4 EKOR KAMBING PEJANTAN BAKA BOER, 8 EKOR KAMBING BETINA BAKA BOER, 1 EKOR KAMBING PENJANTAN BAKA SAANEN, 2 EKOR KAMBING BETINA BAKA SAANEN, 2 EKOR BEBIRI PEJANTAN BAKA BARBADOS BLACK BELLY, 4 EKOR BEBIRI BETINA BAKA BARBADOS BLACK BELLY, 2 EKOR LEMBU PENJANTAN BAKA KEDAH-KELANTAN DAN 2 EKOR LEMBU BETINA BAKA KEDAH-KELANTAN UNTUK TUJUAN PEMBIAKBAKAAN KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG”**

kepada:

**PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG
JALAN BUKIT TENGAH
14000 BUKIT MERTAJAM
PULAU PINANG**

Tarikh tutup sebutharga adalah pada 20 Julai 2020 jam 12.00 Tengahari

